

SEKILAS TENTANG MELAMINE

APAKAH **MELAMINE**?

Melamine adalah bahan organik yang antara kegunaannya ialah dalam pembuatan plastik, bahan pembersih, gam, baja dan lain-lain.

Melamine adalah bahan yang tidak dibenarkan di dalam semua makanan.

APAKAH CONTOH PRODUK YANG MENGANDUNGI SUSU DAN SEKALIGUS BOLEH MENDEDAHKANNYA KEPADA **MELAMINE** ?

- i. Susu skim (susu tanpa lemak)
- ii. Susu Pasteur
- iii. Susu UHT
- iv. Susu berperisa
- v. Susu tepung krim
- vi. Susu tepung skim
- vii. Susu sejat
- viii. Susu pekat manis
- ix. Mentega
- x. Keju
- xi. Ais krim
- xii. Yogurt
- xiii. Ghee (minyak sapi)

MENGAPA **MELAMINE** DIKESAN DI DALAM SUSU DAN HASILAN SUSU?

Ia ditambah secara sengaja untuk meningkatkan tahap nitrogen bagi mematuhi standard kandungan protein dalam susu. Penambahan **Melamine** dalam makanan adalah menyalahi undang-undang di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

APAKAH KESAN **MELAMINE** KEPADA MANUSIA?

1. Kesan **melamine** secara langsung mengakibatkan iritasi apabila terhidu dan bersentuhan dengan kulit atau mata.
2. Pengambilan **melamine** melalui makanan boleh mengakibatkan kerosakan pada sistem pembiakan
3. pembentukkan batu karang dalam ginjal dan pundi kencing. Ini boleh mengakibatkan kegagalan ginjal terutamanya kepada bayi

AWAS!!!

Berjaga-jaga dan memantau gejala masalah buah pinggang seperti bayi menangis tanpa sebab ketika kencing, kencing berdarah, dan tekanan darah tinggi pada bayi. Keadaan ini jarang berlaku dan sekiranya mengesyaki gejala ini di kalangan kanakkanak perlulah melaporkan kepada KKM dengan segera.

